

27/11/1999

Pas lidah bercabang: Dr Mahathir

PASIR MAS, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan Pas sebagai lidah bercabang kerana sering mengubah pendirian mengikut tempat dan keadaan bagi kepentingan politik mereka.

Menurut Perdana Menteri, di hadapan penyokong Pas, mereka berjanji untuk mewujudkan negara Islam, tetapi ketika bercakap di hadapan pemimpin DAP, mereka tidak menyebut perkara itu.

Beliau berkata, pemimpin Pas sering berjanji walaupun tahu mereka tidak akan dapat melaksanakan janjinya itu, seperti mendirikan negara Islam dan melaksanakan hukum hudud.

Katanya, tindakan itu sengaja dilakukan bagi mengabui pemikiran rakyat supaya menyokong parti mereka dalam pilihan raya.

Menurutnya, Pas berjanji dengan rakyat di beberapa negeri termasuk Kelantan, Terengganu, dan Kedah, kononnya mereka mahu mendirikan negara Islam dan melaksanakan hukum hudud.

"Tetapi apabila dia (Pas) jumpa dengan Lim Kit Siang (Setiausaha Agung DAP), dia kata tak payahlah buat negara Islam, sebab dia nak undi DAP.

"Jadi, dengan DAP dia bercakap lain, dengan penyokongnya cakap lain. Pergi ke Kelantan, janji balik. Jumpa Lim Kit Siang, ok... ok tak apalah kita tak buat (negara Islam).

"Orang macam ini yang bercakap dua bahasa kepada orang yang berlainan adalah orang yang mempunyai lidah bercabang.

"Orang yang mempunyai lidah bercabang kita tidak boleh percaya," katanya pada perasmian Perletakan Batu Asas Tebatan Banjir Sungai Kelantan berharga RM1.5 bilion di Kampung Tendong, dekat sini, petang ini.

Hadir sama Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah; Pengerusi Barisan Nasional (BN) Kelantan, Datuk Annuar Musa; Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Datuk Mustapa Mohamed dan Datuk Paduka Ibrahim Ali.

Dr Mahathir berkata, Pas buat janji yang tidak boleh ditunaikannya.

"Pas janji nak jadikan Malaysia negara Islam. Untuk itu mereka perlukan dua pertiga kerusi di Parlimen, tetapi kita tahu mereka tak tanding jumlah kerusi itu pun.

"Ini bermakna dia tak mungkin dapat menunaikan janjinya. Menang di Kelantan saja tak cukup, mesti menang di peringkat Pusat. Dia mesti menang dengan besar baru boleh pinda perlembagaan supaya dapat menubuhkan negara Islam ala Pas," katanya.

Lebih daripada itu, katanya Pas juga mengajar rakyat, termasuk pelajar supaya jangan bersyukur kepada kerajaan walaupun mereka dapat menikmati segala kemudahan kerajaan, termasuk biasiswa dan memberi peluang pekerjaan.

Pada sidang akhbar selepas itu, Dr Mahathir berkata sikap Pas mencampurkan kesucian Islam dengan kepercayaan politik mereka, memporak-perandakan masyarakat Islam di negara ini.

Katanya, orang Melayu tidak pernah mempersoalkan keislaman orang lain sebelum Pas ditubuhkan dan keadaan berpecah-belah itu hanya terjadi selepas kewujudan parti pembangkang itu.

"Selama ini, yang porak-perandakan rakyat adalah Pas. Kita hendak sekurang-kurangnya dalam membuat ibadat dan mengamalkan ajaran Islam, kita tak berpecah... cuma berbeza dari segi pendekatan politik.

"Kita boleh berbeza dari segi politik tapi ia tidak seharusnya membabitkan agama. Kita (di Malaysia) mempunyai kepercayaan yang satu

iaitu semua orang Melayu adalah ahli Sunnah Wal Jamaah yang mengikut imam Shafie.

"Sebelum perang (dunia kedua) dulu, kita anggap semua orang Melayu sebagai Islam tapi apabila Pas ditubuh, bermulalah usaha Pas nak pisahkan sesama orang Melayu yang semuanya menganut agama Islam.

"Mereka (Pas) mendakwa mereka yang tidak ada dalam Pas, tak Islam. Kalau tak menyokong Pas, tak Islam. Merekalah yang memecah-belahkan dan memporak-perandakan orang Melayu," katanya.

Ditanya jika tindakan akan diambil terhadap lidah rasmi Pas, Harakah, kerana menyiarkan senarai syarikat yang dikaitkan dengan salah seorang anak Perdana Menteri, beliau berkata:

"Kalau kita ambil tindakan, dia (Pas) ingat kita takut dan kemudiannya akan merayu kepada kawan-kawan mereka di luar negara (media asing). Selepas tu, CNN, CNBC akan sebar kata kita ni zalim... itu yang dia (Pas) nak.

"Dia tahu dia langgar undang-undang, tapi dia ada kawan-kawan yang boleh membantu, malah dalam pilihan raya kali ini pun mereka dapat bantuan. Sekarang CNN berkempen pilihan raya ini tak adil dan ada korupsi (rasuah), jadi parti lawan tak boleh menang.

"Sebenarnya mereka tahu memang nak kalah, jadi mereka awal-awal kata tak boleh menang kerana ada korupsi. Dia tuduh kita tak adil dan macam-macam lagi," katanya.

(END)